



**SEBAHAGIAN** peserta memulakan larian program Fit Larian Amal di USIM, Seremban. baru-baru ini.

## Fit Larian Amal USIM capai matlamat

**SEREMBAN 22 Sept.** - Usaha membudayakan sukan dalam kalangan pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) giat dijalankan menerusi penganjuran program Fit Larian Amal USIM di adakan baru-baru ini.

Program julung kali diadakan itu dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Pelajar Luar Kampus bertempat di Dewan Tuanku Canselor telah berjaya menarik minat 500 orang peserta.

Yang turut menyertai program berkenaan ialah pelajar sekolah sekitar kawasan Nilai dekat sini bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan pihak USIM dengan pihak sekolah sempena Hari Terbuka universtiti itu.

Pengarah Fit Larian Amal USIM, Muhamad Nor Amin Jamaludin berkata program ini diadakan

bagi mengumpul dana tabung kebajikan pelajar USIM selain galakan kepada komuniti setempat untuk bergiat aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

"Saya berpuas hati dengan penganjuran acara larian kampus ini yang merupakan program kemuncak bagi Biro Sukan dan Pembangunan Belia MPP pada kali ini.

"Bahkan saya melihat sambutan yang diterima amat memberangsangkan daripada orang ramai dan juga warga USIM," katanya di sini baru-baru ini.

Para peserta dilepaskan secara rasmi oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM Prof. Datuk Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan.

Yang turut bersama peserta berlari adalah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Jelasnya sebanyak empat kategori dipertandingkan dalam pada acara berkenaan melibatkan kategori pelajar sekolah, mahasiswa USIM, staf USIM dan kategori terbuka dengan jarak larian lima kilometer dan tujuh kilometer.

Trek larian meliputi jalan di sekeliling kampus USIM agar para peserta dapat melihat keindahan dan prasarana kampus dengan lebih dekat.

"Kita mendapat reaksi dan maklumbalas yang baik dari peserta untuk pengajuran program kita pada kali ini dan jika tiada aral yang melintang acara larian kampus sebegini akan diteruskan lagi pada masa akan datang.

"Saya turut berharap budaya bersukan di USIM akan terus subur dan lebih berkembang pesat melalui gerakan Fit USIM yang dipelopori MPP USIM," kata Amin.